

**ISLAMIC DIGITAL BANKING IN THE LIGHT OF MAQASID AL-SHARIAH:
A REVIEW OF LITERATURES**

**PERBANKAN DIGITAL ISLAM BERASASKAN MAQASID AL-SHARIAH:
KAJIAN LITERATUR**

Muhammad Ridhwan Ab. Aziziⁱ & Muhammad Zakairol Izat Mustafarⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Profesor, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. ridhwan.aziz@usim.edu.my

ⁱⁱ Pembantu Penyelidik, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. zakairol1997@gmail.com

Abstract	<p><i>The advancement of information and communication technology has transformed many industries from manual-based to automatic-based activity and from offline to online transaction inclusive the financial industry. The banks had responded to this phenomenon through establishing digital banking, where banks digitized all traditional transactions and services in an application in order to make their service more reliable, accessible and convenient to their customers. Thus, the aim of this paper is to explore relevant literatures on Islamic digital banking in the light of Maqasid al-Shariah. The methodology of research in this paper is through content analysis of the relevant literatures in Islamic digital banking and Maqasid al-Shariah. The general finding shows that the best predictors for Islamic digital banking adoption are trust, perceived security, perceived usefulness, reliable and accessible to the customers that come from various segmentation. Academician, researcher and practitioners of Islamic banking and finance will be able to use the findings from this study to improve adoption and quality of current digital banking service in line with the objective of Shariah.</i></p> <p><i>Keywords: Digital, Banking, Maqasid, Financial Inclusion, Islamic Finance.</i></p>
Abstrak	<p><i>Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah mentransformasikan pelbagai industri dari aktiviti berasaskan manual kepada aktiviti yang berasaskan automatik dan transaksi secara dalam talian, termasuklah industri kewangan. Pihak bank telah memberi respon terhadap fenomena ini dengan mewujudkan perbankan digital. Industri perbankan telah cuba menjadikan semua transaksi dan pelbagai perkhidmatan tradisional kepada aplikasi peranti supaya perkhidmatan yang disediakan menjadi lebih telus, boleh diakses bagi memudahkan pihak pelanggan untuk menggunakannya. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka kajian literatur yang relevan berkaitan dengan perbankan digital Islam yang berasaskan Maqasid al-Shariah. Metodologi penyelidikan yang digunapakai dalam kajian ini adalah dengan menganalisis kandungan kajian literatur yang relevan berkaitan dengan perbankan digital Islam dan Maqasid al-Shariah. Penemuan umum menunjukkan bahawa ciri-ciri yang terbaik yang perlu ada untuk menikmati penggunaan perbankan digital Islam hendaklah berasaskan kepercayaan, keselamatan, keberfungsian sendiri dan mudah diakses oleh pelanggan yang datang dari pelbagai segmen. Para ahli akademik, penyelidik dan pakar dalam</i></p>

	<p><i>perbankan dan kewangan Islam dapat menggunakan hasil daripada kajian ini sebagai rujukan untuk mereka bagi meningkatkan penggunaan dan kualiti perkhidmatan perbankan digital semasa supaya ianya selaras dengan objektif shariah.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Perbankan, Digital, Maqasid, Rangkuman Kewangan, Kewangan Islam.</i></p>
--	---

PENGENALAN

Perbankan dan kewangan Islam ialah salah satu segmen yang berkembang pesat dalam perkhidmatan kewangan secara global untuk memberi perkhidmatan kepada Muslim dan bukan Muslim di samping mempromosikan keadilan dan kesaksamaan dalam melakukan transaksi. Sistem perbankan Islam adalah bertujuan untuk memberi manfaat kepada manusia (*Jalb al-Masalih*) dan untuk menghindarkan manusia daripada bahaya (*Daf 'al-Mafasid*) (IBFIM, 2020). Jumlah aset bank-bank Islam bernilai USD2.44 trilion di peringkat global pada tahun 2019 berbanding USD2.19 trilion yang dicatatkan pada tahun 2018 (Islamic Financial Services Board, 2020), dan aset-aset tersebut dijangka akan terus meningkat dari tahun ke tahun disebabkan oleh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang rancak yang akan membawa kepada kewujudan perbankan digital demi memenuhi keperluan semasa manusia (Islamic Financial Services Board, 2020).

Dengan adanya kelebihan daya saing pada hari ini telah menjadikan perkhidmatan perbankan lebih cekap dan kompetitif (Alex Fahrur Riza, 2019). Baru-baru ini, wabak Coronavirus (Covid-19) yang telah tersebar di Malaysia pada tahun 2020 telah menghadkan transaksi perbankan yang dijalankan di kaunter cawangan bank bagi mengekang Covid-19 daripada merebak. Faktor utama ini telah mempengaruhi industri perbankan dan kewangan sehingga mengakibatkan pertumbuhan perbankan digital yang paling pesat. Menurut Bank Negara Malaysia (2020), penerapan perbankan digital dalam infrastruktur perkhidmatan kewangan dapat membantu negara untuk memperoleh ekonomi yang berpendapatan tinggi. Penubuhan bank digital Malaysia telah memudahkan inovasi aplikasi teknologi perbankan demi mengatasi jurang dalam pasaran bagi segmen yang tidak berkemampuan untuk menikmati perkhidmatan yang disediakan (Anis Shakirah M. M., 2020). Perbankan digital membolehkan transaksi perbankan dijalankan melalui teknologi dengan cara yang sangat mudah, akan tetapi ianya dibataskan oleh undang-undang dan peraturan, langkah-langkah yang perlu diambil, faktor keselamatan dan faktor permintaan yang telah menjadi kekangan kepada penggunaan teknologi tanpa tunai ini.

Di samping itu, penggunaan perbankan digital Islam yang berasaskan Maqasid Al-Shariah telah muncul demi memenuhi keperluan orang Islam dalam mendigitalkan produk dan perkhidmatan institusi kewangan Islam. Produk dan perkhidmatan yang telah ditawarkan oleh institusi kewangan Islam secara terusnya memberikan cabaran dan mampu memenuhi keperluan pelanggan yang telah menerima produk berteknologi baru ini demi memperolehi kelebihan dalam pasaran dan mampu mendekatkan jurang pasaran dengan segmentasi pelanggan yang kurang berkemampuan. Banyak cabaran yang mungkin bakal dihadapi oleh bank-bank Islam dan kekangan-kekangan lain dalam mereformasi dan mentransformasikan perbankan digital Islam kerana mereka perlu lebih menumpukan kepada aliran kerja, sistem, undang-undang dan peraturan serta kerangka kerja daripada penggubal undang-undang yang perlu dipatuhi dan mereka juga perlu mengukur pendedahan terhadap risiko (Anis Shakirah M. M., 2020). Penyelidikan ini cuba untuk merapatkan jurang kajian dan mengumpulkan data yang relevan daripada kajian literatur untuk membantu para pakar dalam perbankan digital Islam untuk berusaha ke arah perkembangan perkhidmatan perbankan digital Islam yang patuh shariah dan selari dengan Maqasid al-Shariah. Penyelidikan ini juga akan memberikan tinjauan yang sistematik berkaitan dengan kajian literatur mengenai perbankan digital Islam yang

berasaskan Maqasid Al-Shariah supaya dapat membantu perkembangan sektor perbankan dan kewangan Islam pada waktu kini dan pasca pandemik Covid-19.

KAJIAN LITERATUR

Konsep Perbankan Digital

Secara umumnya, perbankan digital adalah proses mendigitalkan (atau bertransaksi dalam talian) semua aktiviti perbankan yang dijalankan secara tradisional yang tersedia kepada pelanggan ketika berada di cawangan bank secara fizikal. Ini termasuklah perkhidmatan seperti simpanan wang serta pengeluaran dan pemindahan wang. Perbankan digital telah diaplikasikan dalam telefon pintar dan peranti mudah alih lain didorong oleh peningkatan penggunaan peranti digital dan permintaan daripada pelanggan terhadap perkhidmatan kewangan. Perubahan secara drastik oleh teknologi maklumat dan komunikasi dalam perbankan ini telah meningkatkan prestasi bank yang tidak lagi semata-mata bergantung kepada penjualan di cawangan bank sahaja (Mbama & Cajetan, 2018). Hyun-Soo Choi dan Roger K. Loh (2020) berpendapat bahawa perbankan digital telah menyebabkan banyak bank mengehadkan operasi secara fizikal mereka. Pelanggan bank telah kurang bergantung kepada lokasi fizikal bank itu sendiri kerana wujudnya perbankan digital. Tambahan pula, baru-baru ini perbankan digital telah mengubah industri perbankan dengan menawarkan pengurangan kos berbanding perbankan tradisional serta mampu untuk mencapai rangkuman kewangan yang lebih besar di seluruh jangkauan lokasi geografi (Loh, 2020).

Dengan itu, jarak fizikal antara pelanggan dan lokasi perbankan fizikal tidak lagi penting pada zaman perbankan digital. Philippon (2017) juga berpendapat bahawa kos sejarah untuk menyediakan pengantaraan kewangan adalah tinggi dan teknologi kewangan atau perbankan digital telah memberi peluang kepada bank untuk mengurangkan kos tersebut (Philippon, 2017).

Merujuk kepada penggunaan teknologi, perbankan digital membolehkan transaksi perbankan dilakukan dengan lancarnya (Varda Sardana & Shubham Singhania, 2018). Selain itu, istilah perbankan digital biasanya digunakan merangkumi perbankan elektronik, perbankan internet dan perbankan dalam talian. Di samping itu, perbankan digital telah diperkenalkan sebagai transaksi kewangan yang mudah, berkesan dan dapat merujuk kepada semua jenis transaksi yang menggunakan instrumen digital, serta meliputi pembayaran mudah alih, dompet mudah alih (E-Wallet), *Cryptocurrency*, dan pembayaran secara elektronik (Alkhowaiter & Wassan Abdullah, 2020).

Menurut Darryl Proctor (2019) perbankan digital didefinisikan sebagai pendigitalan (atau bergerak dalam talian) semua aktiviti dan perkhidmatan perbankan yang dilakukan secara tradisional oleh pelanggan bank di cawangan bank secara fizikal. Aktiviti dan perkhidmatan tersebut termasuklah deposit wang, pengeluaran dan pemindahan, memeriksa/ menyimpan dalam akaun, memohon produk kewangan lain, pengurusan pinjaman, pembayaran pinjaman dan pembukaan akaun bank. Seterusnya, perbankan digital juga dianggap sebagai proses mendigitalkan semua aktiviti dan perkhidmatan perbankan yang terdapat di cawangan bank untuk pelanggannya. Antara faktor-faktor seperti mudah akses ke internet, peningkatan jumlah pengguna internet, kecekapan kos, kemudahan dan keuntungan telah mendorong bank-bank untuk melaksanakan perbankan elektronik. Akhir sekali, perkhidmatan seperti perbankan dalam talian, perbankan secara mudah alih dan perbankan dalam tablet, deposit cek secara mudah alih, perubahan cukai, penyata e-mel dan pembayaran bil dalam talian merupakan perkhidmatan perbankan digital yang paling popular dengan kosnya yang lebih rendah dan tanpa mengalami gangguan (S. Ananda, 2020).

Perbankan Digital dan Maqasid al-Shariah

Umumnya, Maqasid al-Shariah ialah roh bag perundangan Islam bagi umat Islam. Menurut Imam al-Ghazali (1058 - 111 M), Maqasid al-Shariah adalah untuk menghalalkan

kesejahteraan bagi seluruh umat manusia bagi menjaga keimanan (*deen*), diri (*nafs*), akal mereka (*a'qal*), keturunan (*nasl*) dan kekayaan (*mal*). Dengan menjaga lima prinsip ini dapat memperoleh kepentingan awam dan maka wajarlah menjaganya. Semakin banyak penipuan dan eksploitasi dalam kalangan manusia berlaku jika tidak menjaga dan melidungi lima prinsip ini. Imam al-Ghazali (1058 - 1111 M) juga mengklasifikasikan Maqasid al-Shariah kepada tiga kategori iaitu keperluan kepada perkara asasi (*daruriyyat*), keperluan kepada kemudahan (*hajiyyat*), perkara yang membawa penyempurnaan hidup (*tahsiniyyat*) (Al-Ghazali, 1109).

Menurut Al-Shatibi (1884), Maqasid al-Shariah ditakrifkan sebagai pencapaian kepada kebaikan, kesejahteraan, kelebihan, faedah dan menjarakkan diri daripada melakukan kejahatan, melakukan kecederaan, kehilangan kepada makhluk. Tujuan undang-undang Islam adalah untuk mendatangkan manfaat kepada umat Islam. Oleh itu, seseorang yang hanya mempunyai undang-undang manakala mensia-siakan dan tidak patuh pada kandungannya maka ianya dianggap menyalahi undang-undang itu sendiri. Menurut Shaykh Muhammad Al-Tahir Ibn Ashur (2006) mentakrifkan maqasid adalah tujuan kepada undang-undang Islam atau objektif kepada undang-undang Islam itu. Dia menjelaskan bahawa pengetahuan Maqasid al-Shariah sangat penting kepada para *mujtahid*, mereka bukan sahaja perlu memahami atau menafsirkan teks-teks shariah sahaja, malah mereka juga perlu memberikan penyelesaian kepada masalah-masalah kontemporari yang dihadapi oleh umat Islam. Konsep Maqasid Shariah juga adalah untuk memberikan garis panduan dan kerangka kerja yang jelas untuk proses *ijtihad* dalam menyelesaikan masalah yang sesuai dengan kepentingan manusia di samping mematuhi kehendak *pencipta* (KFH, 2018).

Menurut Al-Raisuni (1995) Maqasid Shariah adalah matlamat yang dituntut oleh shariah untuk memperoleh kepentingan kepada manusia. Beliau juga berpendapat bahawa Maqasid Shariah terbahagi kepada tiga iaitu: *maqasid Ammah*, *maqasid khassah* dan *maqasid juz'iyah*. *Maqasid ammah* adalah matlamat yang diambil kira oleh shariah dalam menentukan sama ada semua atau sebahagian besar hukum syarak seperti keadilan, kesamarataan dan kemudahan dalam syariat. Manakala *maqasid khassah* pula melibatkan matlamat khusus yang diambil kira oleh shariah dalam menentukan perkara-perkara yang khusus seperti perkara yang berkaitan dengan kekeluargaan atau perkara yang berkaitan dengan kewangan. *Maqasid juz'iyah* pula perkara yang diambil kira oleh syariat dalam menentukan sesuatu hukum tertentu, sama ada wajib, sunat, harus, makruh dan haram (al-Raisuni, 1995).

Menurut Yusuf Qadrawi pula (2006) Maqasid al-Shariah tidak hanya tertumpu kepada masalah yang berkaitan dengan fiqh sahaja, tetapi ianya bersifat holistik dalam pelbagai aspek Islam, terutama sekali dari sudut *aqidah*. Selain itu, Yusuf Qadrawi (2006) juga mendefinisikan Maqasid adalah objektif yang berdasarkan *nas-nas* yang sahih (al-Quran & Hadith sahih) yang mengandungi larangan dan tuntutan yang perlu diikuti oleh umat manusia dan ianya juga merupakan hukum *Juz'iyah* yang perlu dipraktikkan oleh *Mukallaf* sama ada secara individu, berkumpulan atau diperingkat ummah secara kesuluruhannya. Sementara itu, menurut Islamic Banking & Finance Institute Malaysia (2020) pengertian Maqasid al-Shariah diperolehi daripada idea bahawa semua perintah dan suruhan shariah adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada bahaya (*Daf 'al-Mafasid*) dan mendatangkan manfaat kepada seluruh umat manusia (*Jalb al-Masalih*). Oleh itu, keputusan akhir setiap peraturan Islam mesti berkait rapat dan mematuhi objektif ini. Maqasid al-Shariah telah diaplikasikan dalam perkembangan perbankan digital dan telah dibuktikan oleh kajian sebelum ini yang menyatakan bahawa perbankan digital telah menjadi satu keperluan penting bagi umat manusia selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Disebabkan oleh pandemik COVID-19, pertumbuhan perbankan digital telah berkembang dan pakar menganggarkan bank digital bakal berada di landasan yang tepat pada tahun 2021. Keperluan pelanggan terhadap penjarakan fizikal dan perbankan yang selamat setelah dilanda wabak ini telah meningkatkan nilai dan kepentingan kepada perbankan digital itu sendiri. Selain itu, kecenderungan terhadap

bank digital semakin meningkat seperti yang telah direkodkan melalui laporan PwC bahawa 74% rakyat Malaysia berminat untuk menjadi pelanggan bank secara maya dan ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia telah bersedia untuk menggunakan teknologi tersebut demi mencegah wabak dengan lebih berkesan (Anis Shakirah M. M., 2020). Mereka juga telah menyatakan bahawa, semasa pandemik Covid-19 melanda, kebanyakan PKS dan pelanggan lain telah memilih perbankan digital berbanding berurusan di cawangan bank kerana perbankan digital menawarkan alternatif yang lebih selamat, berkesan dan mudah kepada pelanggan.

Menurut North (2018), perbankan digital telah memberikan keuntungan kepada pelanggan dan bank dari sudut kekangan waktu yang dihadapi yang mana ianya menjimatkan masa dan kos pelanggan bank dan mereka tidak perlu mengambil perjalanan jauh ke cawangan bank untuk melakukan transaksi. Mereka tidak perlu menunggu dalam barisan yang panjang semata-mata untuk mengetahui kaunter mana yang harus mereka pergi demi menyelesaikan urusan mereka. Perkhidmatan dalam talian memberikan keselesaan kepada pelanggan sama ada di rumah ataupun di pejabat, atau bertransaksi di dalam kenderaan semasa dalam perjalanan, dan mereka juga boleh bertransaksi tanpa perlu menunggu dan mengambil masa yang lama. Walau bagaimanapun, ada sebilangan perkhidmatan yang mengambil proses pada jangka masa yang lama. Hal ini menyebabkan bank perlu memaklumkan kepada pelanggan mereka di cawangan bank bahawa masa yang diambil untuk setiap perkhidmatan adalah berbeza-beza. Walaupun untuk mendepositkan cek, ianya mengambil masa begitu lama untuk selesai. Dengan perbankan digital, transaksi perbankan dapat dilakukan dengan pantas dan tidak dihalang dengan kekangan waktu (North, 2018).

North (2018) juga menekankan bahawa perbankan digital telah meningkatkan keadaan sosio-ekonomi di mana perbankan digital adalah satu cara yang selamat untuk menguruskan transaksi perbankan dan kewangan bagi mencegah kes jenayah dan rasuah. Selain itu, sikap yang tidak cekap yang ditunjukkan oleh penjawat awam menjadikannya ia satu kesulitan bagi pelanggan untuk membayar bil utiliti di kaunter. Dakwaan ini dikukuhkan lagi menerusi kajian daripada Nik Hairi Omar (2015) yang menyatakan bahawa nisbah penjawat awam yang tinggi berbanding penduduk seharusnya dapat menunjukkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat akan tetapi prestasi dan integriti perkhidmatan awam di Malaysia masih di tahap bermasalah. Jadi, dengan adanya ciri pembayaran bil dalam perbankan digital sangat membantu pelanggan untuk mereka membayar bil utiliti. Perbankan digital juga dapat menjamin keselamatan yang lebih tinggi kepada pelanggan dan mereka akan kurang berhadapan dengan risiko cek yang dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan kes kecurian. Pelanggan juga tidak perlu membawa sejumlah wang yang besar bersama mereka untuk melakukan transaksi dan mereka mempunyai pilihan sama ada untuk membayar dengan kad kredit atau debit, atau melalui *E-wallet* mengikut pilihan yang jauh lebih selamat. Tambahan pula, perbankan digital dapat menjamin ketelusan aliran tunai dan kelajuan pergerakan tunai (North, 2018).

Menurut Narcisa Roxana Moşteanu (2020) perbankan digital menggalakkan rangkuman sosial dan kewangan kepada masyarakat dan juga memberi impak yang besar terhadap kualiti sosio-ekonomi manusia dengan menyediakan urus tadbir yang peka dan telus serta selari dengan Maqasid al-Shariah, dan perbankan digital juga mampu menambah baik pencapaian dan penyediaan perkhidmatan kewangan dan bukan kewangan. Menurut Novi Rifa'i (2020) penggunaan perbankan digital dan FinTech telah menerapkan elemen Maqasid Shariah dengan menawarkan nilai keselamatan kepada diri dan harta (*Hifzul nafs & mal*) menerusi menjaga keselamatan maklumat peribadi dan aliran kewangan pengguna daripada penyelewengan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Di samping itu juga, menurut Anis Shakirah (2020) keperluan kepada penjarakkan sosial pada zaman penularan Covid-19 telah mendorong kewujudan perbankan digital untuk menjaga diri pelanggan bank daripada dijangkiti wabak berbahaya itu. Oleh itu, jelaslah bahawa penggunaan perbankan digital adalah sejajar

dengan Maqasid Shariah. Menurut Todorof (2018) perkembangan teknologi dalam perbankan Islam mampu meningkatkan ekonomi umat Islam terutamanya dalam industri FinTech. Beliau menegaskan lagi bahawa industri Fintech menawarkan kecekapan dalam perbankan mudah alih dan kos urus niaga yang rendah, serta menyediakan ketelusan dan fleksibiliti, yang merupakan elemen penting dalam garis panduan shariah dan Maqasid al-Shariah.

Perbankan Digital Dan Rangkuman Kewangan

Rangkuman kewangan ditakrifkan sebagai beberapa warganegara dan syarikat terkeluar dari kemampuan untuk mengakses dan menggunakan perkhidmatan kewangan. Menurut Howard Thomas (2019) rangkuman kewangan dapat disinonimkan sebagai satu proses untuk memastikan ianya mudah diakses, ketersediaan, dan aktif untuk penggunaan sistem kewangan yang berformal bagi semua anggota ekonomi dan masyarakat. Dari sudut keperluannya, rangkuman kewangan bermaksud seseorang individu dan firma mempunyai akses dan ketersediaan kepada sesuatu perkhidmatan kewangan serta mempunyai kemampuan dan kesediaan untuk menggunakannya. Selain itu, menurut Srivasta (2019), rangkuman kewangan bermaksud membolehkan penduduk yang tidak berkemampuan, mampu untuk mengakses perkhidmatan kewangan dengan harga yang berpatutan. Menurut Bank Dunia (2018) rangkuman kewangan dinyatakan sebagai satu proses di mana individu dan perniagaannya mempunyai akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan yang bermanfaat kepadanya dan mempunyai harga berpatutan supaya dapat memenuhi keperluan mereka untuk melakukan transaksi seperti pembayaran dan pemindahan, simpanan dalam akaun, memohon pinjaman, dan insurans supaya ianya disampaikan dengan cara yang bertanggungjawab dan berkesinambungan.

Dari sudut perbankan digital, ciri-ciri rangkuman kewangan telah datang bersama perbankan digital. Perbankan digital ialah satu kaedah yang sangat berguna bagi orang ramai untuk mendapatkan kemudahan dan perkhidmatan kewangan daripada bank dan institusi kewangan. Banyak negara telah mengambil manfaat dariada produk perbankan digital dengan bertujuan untuk meluaskan rangkuman kewangan dalam kalangan penduduk yang tidak mampu untuk mendapat capaian perkhidmatan bank (Srivastava, 2019). Perbankan digital ialah satu kunci bagi rangkuman kewangan di bandar dan luar bandar, dengan menyediakan pembayaran dan pindahan tunai, simpanan tunai, pinjaman kredit, insurans dan pencen agar dapat memberi manfaat dan penyelesaian secara digital untuk mengubah dan memperkasakan rangkuman kewangan dan masyarakat yang bebas tunai pada era digital ini (K. M. Mahesh, 2019).

Di Malaysia, menurut (Anis Shakirah M. M., 2020) BNM menggalakkan semua bank digital untuk menumpukan perhatian kepada pencapaian rangkuman kewangan dan tumpuan pasaran yang tidak mampu dan tidak dilindungi, termasuklah golongan B40 dan Perusahaan mikro, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam usaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Bank digital di Malaysia akan menumpukan kepada rangkuman kewangan dan kepada masyarakat yang kurang berkemampuan, seperti segmen B40, mikro-PKS dan PKS, bank-bank ini juga menawarkan peruncit dengan pengalaman pelanggan yang baru dan lebih baik (Suri, 2020). Perkembangan perbankan digital telah menyebabkan wujudnya produk baharu yang mampu meningkatkan capaian rangkuman kewangan seperti perkhidmatan simpanan wang dan penghadan kredit untuk pinjaman.

Selain itu, G. O. Candiya (2019) telah melihat penerapan dan penggunaan perkhidmatan perbankan digital melalui teknologi yang inovatif seperti telefon bimbit yang dapat memberikan perkhidmatan kewangan asas kepada penduduk yang tidak berkemampuan dan tidak mempunyai akaun bank, terutamanya sekali di kawasan pedalaman di negara-negara membangun. Hal ini kerana perbankan digital dapat mengurangkan kos untuk pelanggan dan bank itu sendiri. Di samping itu, perkhidmatan perbankan digital dapat mengurangkan kos penerimaan pembayaran dan simpanan bagi pelanggan yang memiliki akaun bank. Tambahan pula, perbankan digital dapat

menyediakan lebih banyak perkhidmatan perbankan yang berpatutan, mudah, dan selamat kepada penduduk yang tidak berkemampuan di negara-negara membangun. Sesungguhnya, penerapan dan penggunaan perbankan digital dapat memperoleh keuntungan berlanjutan serta dapat mencapai rangkuman kewangan yang menyediakan akses ke atas perkhidmatan kewangan tambahan seperti simpanan, kredit, insurans, dan produk pelaburan yang berfaedah (Kikulwe, 2014). Akhir kata, hal ini juga dibuktikan dengan penemuan Suri dan Jack (2016) yang telah mendedahkan bahawa akses kepada perkhidmatan perbankan digital oleh 185,000 isi rumah wanita di Kenya ini dapat meningkatkan simpanan mereka lebih daripada satu perlima. Sekaligus mampu membantu mereka untuk mengembangkan perniagaan mereka serta dapat mengurangkan jurang kemiskinan sebanyak 22 peratus (Jack, W Suri, 2016).

Konsep Keselamatan Siber

Secara amnya, keselamatan siber adalah keadaan sesuatu yang dilindungi daripada penjenayah atau orang yang tidak mempunyai hak untuk menggunakan data elektronik untuk kepentingannya secara haram, atau ukuran sesuatu yang perlu diambil untuk mencapainya. Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) (2008) mentakrifkan keselamatan siber ialah alat, polisi, konsep keselamatan, perlindungan keselamatan, panduan, pendekatan untuk pengurusan risiko, tindakan, latihan, amalan terbaik, jaminan dan teknologi yang dapat digunakan untuk melindungi persekitaran dan organisasi siber serta aset pengguna. Antara aset organisasi dan pengguna termasuklah peranti pengkomputeran yang dihubungkan, data peribadi, infrastruktur, aplikasi, perkhidmatan, sistem telekomunikasi, dan jumlah maklumat yang dihantar atau disimpan di ruang siber. Keselamatan Siber ialah satu usaha untuk memastikan keselamatan harta organisasi dan aset pengguna dilindungi dan dipelihara daripada risiko keselamatan di ruang siber supaya ianya selaras dengan objektif ketersediaan integriti, serta keaslian dan terpelihara kerahsiaannya (Rossouw von Solms & Johan van Niekerk, 2012).

Menurut Rossouw von Solms & Johan van Niekerk (2012), istilah keselamatan siber kebiasaannya berkait rapat dengan istilah keselamatan maklumat yang mana kedua-dua konsep ini sama sekali tidak sama yang mana keselamatan maklumat adalah bertujuan untuk memastikan kesinambungan perniagaan dan meminimumkan kerosakan perniagaan dengan menghadkan kesan daripada insiden agar selamat serta kerahsiaan terjaga, bersifat integriti dan ketersediaan maklumat. Seong (2017) telah menentukan bahawa peningkatan keselamatan siber sebagai nisbah bagi mengurangkan kemungkinan kepada kegagalan untuk melindungi sistem daripada serangan siber. Antara konsep asas keselamatan siber telah dijelaskan oleh Shouhuai Xu (2014) iaitu kerahsiaan sesuatu perkara, integriti dan ketersediaan sesuatu yang membawa kepada kemunculan idea kajian seperti keselamatan siber yang dinamik. Keselamatan siber yang dinamik dimaksudkan sebagai satu evolusi keadaan keselamatan siber secara global yang disebabkan oleh interaksi di antara pertahanan siber.

Xu (2014) berpendapat bahawa keselamatan siber dinamik dianggap sebagai satu asas bagi sains keselamatan siber, kerana serangan siber tidak dapat dielakkan. Oleh itu, para pakar perlu mengetahui situasi di mana keselamatan siber yang dinamik digunapakai untuk menguruskan risiko yang terdedah dan secara semula jadi ianya membawa kepada makroskopik keselamatan siber. Sebagai contoh, parameter model abstrak ialah sesuatu yang dapat mengukur kekuatan mekanisme serangan dan pertahanan mikroskopik serta polisi keselamatan. Menurut Herrmann (2020) dalam bukunya *"the ethics of cybersecurity"* mendefinisikan bahawa konsep keselamatan siber adalah langkah-langkah untuk mempertahankan ruang siber daripada ancaman luar yang mana keselamatan siber tertakluk kepada asimetri yang ketara. Herrmann (2020) juga berpendapat bahawa keselamatan siber terlibat dengan aktiviti yang menentukan ancaman, meninjau serangan khas dan menggunakan teknik pertahanan yang cekap untuk melindungi ruang siber. Keselamatan siber ialah alat untuk menguruskan risiko di mana ancaman terhadap informasi dan sistem dapat ditangani (Herrmann, 2020).

Selain itu, penipuan di ruang siber juga telah menjadi satu isu di seluruh dunia yang tidak akan hilang dalam waktu singkat. Risiko penipuan boleh memberi kesan buruk kepada keuntungan perniagaan dan firma. Menurut Yego (2016), penipuan dalam ruang siber seperti yang disaksikan sejak kebelakangan ini telah mengakibatkan banyak kejatuhan bank, hal ini menimbulkan persoalan tentang isu kepercayaan pelanggan terhadap wang yang disimpan di bank, serta mengenai etika professional bank, ketelusan dan kecekapan bank kian pudar dek kerana isu penipuan di ruang siber. Lebih menyedihkan lagi apabila melihat penipuan secara kompleks dan canggih ini semakin meningkat dan dilakukan oleh kakitangan yang berpangkat itu sendiri. Hal ini menyebabkan kebimbangan yang besar kepada masyarakat.

Menurut Chaonian Guo (2018), menyatakan bahawa penipuan yang berlaku dalam transaksi perbankan digital telah menyebabkan kerugian kepada ekonomi setiap tahun. Disebabkan itu, sangatlah penting bagi bank dan institusi kewangan lain untuk memperbaiki sistem perbankan digital dan memperbaiki sistem pengesanan penipuan di ruang siber agar dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan. Pemantauan risiko penipuan di ruang siber difokuskan pada peraturan skor dan model berdasarkan data diperolehi. Peraturan skor adalah berasaskan kepada kepakaran, yang mana terdedah kepada pola penipuan baru dan model ini juga berdasarkan kepada data yang diperolehi daripada klasifikasi pembelajaran dan biasanya data yang diklasifikasikan tidak seimbang dan harus ditangani. Chaonian Guo (2018) juga menyatakan bahawa sebahagian besar perniagaan moden bergantung pada sistem pembayaran e-perbankan dan bebas tunai. Keselamatan telah menjadi perhatian utama kepada mereka ketika melakukan transaksi e-perbankan. Orang ramai amatlah bimbang akan penipuan siber yang mampu memperolehi akses ke dalam akaun mereka dan mencuri wang mereka (Chaonian Guo, 2018).

Menurut Samuel Ngigi Nyakarimi (2020), institusi kewangan dan bank lebih terdedah kepada kegiatan penipuan kerana operasi mereka yang melibatkan aliran tunai yang mudah dicair dan instrumen lain yang mudah ditukarkan kepada tunai. Sebagai akibatnya, penipuan tersebut menyebabkan kerugian kewangan, operasi atau psikologi kepada bank dan pelanggan juga. Peningkatan penipuan perbankan ini berpunca oleh kemajuan teknologi. Kegagalan bank untuk menangani risiko penipuan akan menanggung kerugian kedua-dua pihak, pelanggan dan bank itu sendiri. David Mhlanga (2020) mendapati bahawa *Artificial Intelligent (AI)* mempunyai pengaruh yang kuat terhadap rangkuman kewangan digital yang berkaitan dengan pengesanan, pengukuran dan pengurusan risiko penipuan di ruang siber, menangani masalah asimetri maklumat, memanfaatkan sokongan pelanggan serta AI mampu menyediakan bantuan melalui *chatbots* dan mengesan penipuan dan menjaga keselamatan siber (David Mhlanga, 2020).

KESIMPULAN

Perbankan digital Islam sangat penting bagi Muslim dan bukan Muslim kerana dapat menggantikan perbankan digital secara konvensional demi menggalakkan keadilan dan kesaksamaan bertransaksi dengan perbankan dan perkhidmatan kewangan. Ianya juga bertujuan untuk memberi manfaat kepada umat manusia (*Jalb al-Masalih*) dan untuk menghindari diri dari keburukannya (*Daf 'al-Mafasid*). Seperti yang dapat dilihat, kegunaan perbankan digital memberikan aksesibilitasi, kesinambungan dan kepercayaan kepada pelanggan yang sedang mengharungi wabak Covid-19. Kajian ini menyarankan perbankan Islam untuk menyediakan produk kewangan Islam yang dapat menggalakkan golongan yang tidak berkemampuan untuk menggunakan produk perbankan digital yang bercirikan aksesibiliti, mudah dan boleh dipercayai serta selamat dan terjamin dari jenayah siber dan penipuan.

Kajian ini juga dapat digunakan sebagai rujukan bagi ahli penyelidik dan pakar dalam perbankan dan kewangan Islam dalam menentukan strategi baru serta merancang dan melaksanakan perniagaan perbankan ke arah bebas tunai dan pendigitalan di masa hadapan. Kajian ini sangat penting dalam meningkatkan pemahaman mengenai

kemunculan perbankan digital Islam terkini dan memberi impak kepada masyarakat secara langsung atau tidak langsung. Perbankan Islam seharusnya terus melakukan inovasi produk dan perkhidmatan mereka ke arah pendigitalan disebabkan oleh kemajuan teknologi yang berkembang pesat serta dapat memenuhi keperluan pelanggan semasa. Disebabkan pendigitalan juga, pelanggan dapat menikmati lebih banyak keuntungan dan manfaat seperti penjimatan kos dan melancarkan proses operasi yang dapat memberikan lebih banyak nilai kepada pelanggan tanpa perlu hadir ke cawangan bank. Hal ini dapat dirasakan bahawa perbankan digital Islam adalah selari dengan Maqasid al-Shariah kerana ianya bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan sosial pengguna dan untuk menghindarkan diri daripada bahaya wabak Covid-19.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan kod rujukan FRGS/1/2020/SS01/USIM/02/4.

RUJUKAN

- Alex Fahrur Riza. 2019. *Customer Acceptance Of Digital Banking In Islamic Bank: Study On Millennial Generation*. Conference of Islamic Management Accounting & Economic , 66-74.
- Al-Ghazaliyy. 1109. *Al-Mustasfa*. Cairo: Al-Maktabah Al-Tijariyyah Al-Kubra.
- Al-Khowaiter & Wassan Abdullah. 2020. *Digital Payment And Banking Adoption Research In Gulf Countries: A Systematic Literature Review*. International Journal of Information Management, 1-17.
- Al-Raisuniyy, A. 1995. *Nazariyyat Al-Maqasid 'Inda Al-Imam Al-Syatibiyy*. Riyadh: Al-Dar Al-'Alamiyah Lil-Kitab Al-Islamiyy.
- Al-Shatibiyy. 1884. *Al-Muwafaqat*. Tunisia: Al-Dawlah Al-Tunisiyyah Publication.
- Anis Shakirah M. M. 2020. *Digital Banks Are On the Rise In Malaysia – What Does This Mean for You? Experts Weigh In*. Didapatkan dari comparehero.com: <https://www.comparehero.my/banking-finance/articles/digital-bank-malaysia>
- Chaonian Guo, H. W. 2018. *Fraud Risk Monitoring System for E-banking Transactions*. 2018 IEEE 16th Int. Conf. Dependable, Autonomic & secure Comp., 100-105.
- Daryl Proctor. 2019. *What is Digital Banking?* Didapatkan dari Temenos: <https://www.temenos.com/news/2019/12/19/what-is-digital-banking/>
- David Mhlanga. 2020. *Industry 4.0 in Finance: The Impact of Artificial*. International Journal of Financial Studies, 1-14.
- G. O. Candiya, B. P. 2019. *Digital Financial Innovations In The Twenty-First Century Do Transaction Tax Exemptions Promote Mobile Money Services For Financial Inclusion In Developing Countries?* Journal of Economic and Administrative Sciences, 185-203.
- Herrmann, D. 2020. *Basic Concepts and Models of Cybersecurity*. Germany: Springer Link, Dalam Herrmann, The Ethics of Cybersecurity, hlm. 11-44.
- Howard Thomas, Y. H.-W. 2019. *What Is "Financial Inclusion"?* Singapore: Singapore Management University.
- IBFIM. 2020. *Fundamentals of Shariah for Islamic Finance*. Kuala Lumpur: IBFIM, Dalam IBFIM, CPSA, hlm. 1-10.
- Islamic Financial Services Board. 2020. *Islamic Financial Services Industry Stability Report 2020*. Kuala Lumpur: Islamic Financial Services Board.
- Jack, W Suri. 2016. *The Long-Run Poverty And Gender Impacts Of Mobile Money*. Development Economics, 1288-1292.
- K. M. Mahesh, K. 2019. *"Digical" and 'Digital' Banking is Transforming The Society For Financial Inclusion In The Digital Era*. Review Of Research Journal , 8(8), 1-8.

- KFH. 2018. *Maqasid Shariah*. Didapatkan dari Kuwait Finance House: <https://www.kfh.com.my/malaysia/personal/about-us/islamic-banking-services/maqasid-shariah.html>
- Kikulwe, E. F. 2014. *Mobile Money, Smallholder Farmers, and Household Welfare in Kenya*. 9(10), 1-13. doi:<https://doi.org/10.1371/journal.pone.0109804>
- Loh, H.-S. C. 2020. *Physical Frictions and Digital Banking Adoption*. 1-50.
- M. Novi Rifa'i. 2020. *Konsep Fintech Lending Dalam Perspektif Maqāṣid Syari'ah*. Islamic Economic Journal 102, 6, 101-122.
- Mbama & Cajetan. 2018. *Digital Banking Services, Customer Experience And Financial Performance In UK Banks*. Journal of Research in Interactive Marketing, 432-451.
- Muslimin, Anis Shakirah Mohd. 2020. *Digital Banks Are On the Rise In Malaysia – What Does This Mean for You? Experts Weigh In*. Didapatkan dari comparehero.com: <https://www.comparehero.my/banking-finance/articles/digital-bank-malaysia>
- Narcisa Roxana Moşteanu, A. F. 2020. *Digital Technologies Implementation Within Financial And Banking System During Sociodistancing Restrictions – Back To The Future*. International Journal of Advanced Research in Engineering and Technology (IJARET), 11(6), 307-315.
- North, R. 2018. *The Role Of Digital Banking In India – Importance Of Digital Banking In India*. Didapatkan dari Enterprise Edges: <https://www.enterpriseedges.com/role-of-digital-banking-india>
- Omar, N. H. 2015. *Integriti Dari Perspektif Pengaduan Awam: Kajian Kes Di Malaysia*. Journal of Social Sciences and Humanities, 7(13), 141-155.
- Philippon, T. 2017. *The FinTech opportunity*. BIS Working Papers, 1-29.
- Qaradāwīyy, Y. 2006. *Dirasah Fi Fiqh Maqasid Al-Shari'ah Bayna Al-Maqasid Al-Kulliyah*. Qaherah : Dar Al-Shuruq.
- Rossouw Von Solms & Johan Van Niekerk. 2012. *From Information Security To Cyber Security*. Computers & Security, 97-102.
- S. Ananda, S. &. 2020. *What Factors Drive The Adoption of Digital Banking? An Empirical Study From The Perspective of Omani Retail Banking*. Journal of Financial Services Marketing Website, 14-24.
- Samuel Ngigi Nyakarimi, S. N. 2020. *Risk Assessment and Fraud Prevention in Banking Sector*. The Journal of Social Sciences Research, 6(1), 13-20.
- Seong, C. L. 2017. *Development Of A Quantitative Method For Evaluating The Efficacy Of Cyber Security Controls In NPPs Based On Intrusion Tolerant Concept*. Annals of Nuclear Energy, 646-654.
- Shaykh Muhammad Al-Tahir Ibn 'Ashur. 2006. *Ibn Ashur: Treatise on Maqasid Al-Shariah Paperback*. Zaytuna: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Shouhuai Xu. 2014. *Cybersecurity Dynamics*. HotSoS '14: Proceedings of the 2014 Symposium and Bootcamp on the Science of Security, 1-2.
- Srivastava, R. &. 2019. *Role Of Digital Banking In Increasing Financial Inclusion In India*. Indian Journal of Economics and Business, 457-468.
- Suri, P. B. 2020. *Digital Financial Services In Africa : Improving Financial Inclusion Through Digital Savings*. AEA Papers and Proceedings, 584-88.
- Todorof, M. 2018. *Shariah-Compliant FinTech in the Banking Industry*. Era Forum, 1-17.
- Union, I. T. 2008. *Overview of Cybersecurity*. Geneva: Telecommunication security.
- Varda Sardana & Shubham Singhania. 2018. *Digital Technology In The Realm Of Banking: A Review Of Literature*. International Journal of Research in Finance and Management, 28-32.
- World Bank. 2018. *Financial Inclusion on the Rise, But Gaps Remain, Global Findex Database Shows*. Didapatkan Dari The World Bank: <https://www.worldbank.org/en/news/press-release/2018/04/19/financial-inclusion-on-the-rise-but-gaps-remain-global-findex-database-shows>
- Yego, Kiprotich John. 2016. *The Impact of Fraud in the Banking Industry*. A Research Project Report Submitted to the School of Business, 1-68.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.